

# ISLAMISASI KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUSI PENDIDIKAN GURU ; TRIBULASI DAN CADANGAN

Dr. Noor Hisham Md Nawi  
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
[hisham@umk.edu.my](mailto:hisham@umk.edu.my)

## Abstrak

*Krisis dualisme dan sekularisme masih mengancam sistem pendidikan di Malaysia. Para pendidik yang menyedari tentang ketidakneutralan ilmu moden masih bergelut dengan realiti pengotakan antara ilmu naqli dengan ilmu aqli. Akibatnya pelajar gagal untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran yang berjaya menyepadukan hati dan pemikiran serta iman dan daya intelektual. Masalah utama umat Islam ialah ketidakupayaan mereka untuk membina kurikulum yang sejiwa dengan falsafah Pendidikan Islam yang memantulkan sifat fitrah insan dan tabii ilmu. Justeru, struktur kurikulum pendidikan guru yang sedia ada perlu diteliti semula secara kritikal. Untuk menghasilkan seorang guru yang berupaya menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran bersepadu berdasarkan gagasan Islamisasi ilmu moden, kurikulum latihan perguruan yang diikutinya seharusnya terlebih dahulu mengalami proses tersebut. Kertas kerja ini akan menyorot secara kritikal kurikulum pendidikan Islam di IPG dalam rangka untuk melaksanakan proses Islamisasi kurikulum dan seterusnya mencadangkan solusi alternatif untuk mengembalikan semula konsep klasifikasi dan hierarki ilmu dalam pembinaan kurikulum.*

Kata Kunci : Kurikulum, Islamisasi Ilmu, Bersepadu, Dualisme, Fardhu Ain

## Pendahuluan

Kurikulum sangat penting dalam disiplin ilmu pendidikan. Ia dianggap sebagai ratu dalam disiplin tersebut sebagaimana fizik dalam bidang ilmu sains tabii (Hassan Langgulung 1988). Secara mudah, kurikulum boleh difahami sebagai perancangan pengalaman pembelajaran walaupun perbincangan mengenai pentakrifannya lebih luas dan kompleks daripada itu. Perancangan pendidikan dipandu oleh falsafah, kepercayaan dan latar belakang sesebuah negara. Dari kurikulum, makna pendidikan mengalir kepada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian. Kurikulum yang tepat akan menghasilkan matlamat yang dikehendaki walaupun ia mungkin berlaku sebaliknya. Penambahbaikan pendidikan yang tidak melibatkan aspek kurikulum dianggap sebagai minor sahaja atau bersifat tampalan. Manakala pelaksanaan gagasan Islamisasi kurikulum memerlukan proses penambahbaikan atau pembaharuan kurikulum pada tahap metamorphistik kerana sebahagian besar struktur atau elemen kurikulumnya perlu diperbaharui atau disemak ulang. Usaha ini sesungguhnya memerlukan gabungan kepakaran dan iltizam yang kuat dari semua pihak jika ia ingin dilaksanakan secara serius.

## **Tribulasi Dunia Pendidikan Umat Islam**

Antara cabaran terbesar dari dahulu hingga sekarang (khususnya tiga abad terakhir) kepada sistem pendidikan umat Islam ialah faham sekularisme dan dualisme yang meresap masuk ke dalam bidang pendidikan. Biarpun isu ini dianggap lapuk dan berulang-ulang oleh sesetengah pihak, namun ancumannya adalah satu realiti yang perlu ditangani secara tuntas. Ratusan atau mungkin ribuan persidangan dan penyelidikan telah dilakukan, namun hasilnya tidaklah begitu memuaskan. Umat Islam di mana jua tetap menghadapi krisis tersebut dalam skop dan karenanya yang tersendiri bergantung kepada pelbagai faktor yang melatarinya. Walaupun konsep sekularisme dan dualisme sedikit berbeza namun impaknya kepada sistem pendidikan umat adalah sama dan sangat dahsyat. Umat Islam sekarang sedang mengotakkan kehidupan dan pendidikan mereka kepada dua aliran terpisah yang tidak sepatutnya berlaku iaitu kotak agama dan kotak kehidupan. Permasalahan ini turut terseret dalam bidang kurikulum. Menurut Rosnani Hashim (1998), permasalahan terbesar dalam aspek tersebut ialah ketidakupayaan mereka untuk membina kurikulum yang sejiwa dengan falsafah Pendidikan Islam yang memantulkan sifat fitrah insan dan tabii ilmu menurut perspektif al-Quran dan Sunnah.

Di samping itu, pendirian umat Islam terhadap isu ketidakneutralan ilmu sains moden yang menjadi perbincangan hebat di kalangan para sarjana Islam kontemporari juga tidak berapa jelas walaupun implikasinya kepada sistem pendidikan umat amat besar. Perbezaan pandangan dan pendapat antara lumrah kehidupan. Pun begitu perbezaan pandangan yang disebabkan oleh kekaburan dan kejahilan terhadap sesuatu isu adalah sesuatu yang amat merugikan. Apa-apa pembaharuan umumnya menempuh jalan sukar kerana kebanyakan manusia lebih menyukai status quo lebih-lebih lagi dalam realiti masyarakat Islam yang gagal memahami dengan baik konsep dan falsafah Pendidikan Islam sebagai salah satu sub sistem dalam keseluruhan sistem kehidupan Islam yang disebut sebagai *al-din* atau satu cara hidup yang sempurna. Satu lagi tribulasi besar yang perlu dihadapi dengan tenang dan realistik ialah kebijaksanaan untuk merealisasikan apa yang dihasrat dalam konteks masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan kepercayaan. Mungkinkah di sana ada istilah menang-menang? Jika tidak cermat atau tergopoh-gapah, usaha tersebut mungkin akan disalahtanggapi sebagai usaha dakwah secara halus untuk menarik para pelajar yang non-muslim kepada agama Islam. Untuk itu, satu pendekatan yang sesuai dan bijaksanan perlu difikirkan bersama bagi mencari penyelesaian yang berhikmah lagi berhemah.

## **Permasalahan Kurikulum Pendidikan Islam**

Mari kita lihat permasalahan ini dengan lebih teliti. Hampir keseluruhan kurikulum pendidikan umat Islam tidak menghargai konsep hierarki ilmu dalam Islam secara wajar. Mereka mengiktiraf kewujudannya tetapi tidak mengaplikasikannya dalam sistem. Konsep hierarki ilmu dalam Islam menuntut umatnya agar mematuhi konsep ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah seutuhnya khususnya dalam pembinaan kurikulum. Kedua-duanya diperlukan secara harmoni, menyeluruh, bersepadu dan seimbang. Frasa 'harmoni, holistik, sepadu dan seimbang' bermaksud kedua-duanya saling diperlukan dan ilmu fardhu ain sentiasa menjadi teras kepada perkembangan ilmu fardhu kifayah. Untuk

menjadi teras, keupayaan ilmu fardhu ain seseorang individu muslim perlu ditingkatkan selaras dengan perkembangan ilmu fardhu kifayahnya. Walau bagaimanapun kebanyakan umat Islam melihat tuntutan fardhu ain sangat sempit dan terbatas. Bagi mereka cukuplah jika para pelajar dapat melaksanakan peribadatan khusus seperti mengucap dua kalimah syahadah, bersolat, berpuasa dan lain-lain. Mereka gagal melihat bagaimana ilmu fardhu ain seharusnya berkait dengan bidang pengkhususan di bawah kategori ilmu fardhu kifayah. Untuk mencapai tahap itu, setiap individu muslim diwajibkan untuk mempelajari, mengemaskini, mengamalkan dan menghayati ilmu fardhu ain secara berterusan selaras dengan perkembangan kehidupannya sehingga terbentuk pandangan sarwa Islam yang tepat dan menyeluruh (*ru'yatul Islam lilwujud*). Melalui pandangan sarwa Islam tadi, sistem pemikiran dan gerak kerja umat Islam dapat disatukan dan tidak akan terkeluar dari orbit syariah. Dengan cara ini, ilmu fardhu kifayah akan dapat dituntun dan dipandu supaya terikat kejam dengan paradigma tauhid. Dalam konteks dunia pendidikan, guru seharusnya melepasi tahap ilmu fardhu ain yang bersesuaian dengan tahap pengajian dan profesionnya untuk membimbing pelajar-pelajar menurut perspektif Islam.

Dalam kesempatan yang amat terbatas, diringkaskan permasalahan kurikulum pendidikan dan latihan perguruan pada masa kini sebagaimana berikut :

1. Struktur kurikulum pendidikan atau latihan perguruan di kebanyakan IPT tempatan adalah menurut acuan Barat (Rosnani Hashim 1999). Acuan sedemikian sukar untuk melahirkan para pendidik yang memiliki kualiti ta'dib, tarbiyyah dan ta'lim.
2. Sistem latihan guru yang ada tidak berjaya untuk memberi gambaran yang lengkap dan tepat tentang konsep pendidikan yang dikehendaki oleh Islam. Istilah Pendidikan Islam telah disempitkan maknanya kepada mata pelajaran atau disiplin ilmu tertentu dan lagi ditanggapi sebagai satu sistem yang menyeluruh (kaffah).
3. Kursus Asas Pendidikan atau Teras Pendidikan Profesional tidak diajar menurut perspektif Islam. Menurut Hassan Langgulung (1988) kebanyakan kursus dalam komponen tersebut telah disekularisasikan. Menggunakan komponen tersebut tanpa usaha pemurnian bermakna melanjutkan lagi krisis sekularisme dan dualisme dalam pendidikan.
4. Struktur kurikulum yang ada tidak memberi suatu gambaran yang menyeluruh tentang korpus ilmu. Pelajar hanya dibekalkan dengan pengkhususan yang sempit dan tidak mampu untuk mengaitkannya dengan aspek atau bidang-bidang ilmu yang lain. Semuanya kelihatan berkotak-kotak dan tidak saling kait mengait antara satu sama lain. Persepsi ini tentunya akan menyukarkan proses kesepaduan antar ilmu naqli dan aqli.
5. Struktur kurikulum yang dibina tidak memungkinkan seseorang itu untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran yang menyepadukan ilmu naqli dan aqli melalui proses pengasingan dan pengembalian makna-makna dan konsep-konsep penting dalam ilmu kontemporari menurut perspektif Islam (Islamisasi ilmu moden).

### **Gagasan Islamisasi Ilmu Moden Dan Islamisasi Kurikulum**

Konsep islamisasi ilmu moden terbina atas beberapa premis utama. Gagasan bermula dengan premis bahawa ilmu moden hari ini tidak neutral. Menurut Wan Mohd Nor (1998), al-Attas adalah orang yang pertama di antara sarjana muslim kontemporari yang

menganggap ilmu pengetahuan sebagai sesuatu yang tidak bebas nilai. Pada faham umum, sifat ilmu pengetahuan adalah berkecuali dan tidak berhubungan dengan tamadun yang mempelopornya. Akibatnya umat Islam tanpa sedar menganggap kesemuanya sebagai 'pakej ilmu' dan berusaha mempelajari dan menerimanya secara total tanpa sebarang semakan dan pengubahsuaian. Umat Islam telah lupa bahawa ilmu moden tidak bebas nilai kerana ia telah dipengaruhi oleh pandangan keagamaan, kebudayaan dan filsafat manusia Barat. Menurut Wan Mohd Nor (1998), ilmu pengetahuan moden adalah hasil dari kebingungan yang meletakkan keraguan dan spekulasi setaraf dengan metodologi ilmiah. Pandangan filsafat Barat yang menyerap masuk ke dalam fikiran umat Islam telah menimbulkan fenomena yang dipanggil 'deislamisasi'. Deislamisasi ini berlaku melalui proses penyamarataan kategori dasar pengetahuan iaitu ilmu *fardhu ain* dan ilmu *fardhu kifayah* yang mendorong kepada kebingungan terhadap hakikat masing-masing (al-Attas 1978). Istilah 'ilmu moden' sengaja digunakan kerana ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh umat Islam yang berasal dari kebudayaan dan peradaban masa lampau seperti Yunani dan India telah diislamkan. Tidak semua pihak bersetuju dengan gagasan tersebut namun perbahasannya tidak dapat dimuatkan di sini.

Berdasarkan kefahaman tersebut, bidang kurikulum yang menerima tempas tersebut perlu diislamisasikan. Walaupun definisi islamisasi ilmu terlalu panjang untuk dibahaskan, secara ringkas dan mudah ia bermaksud proses kesepaduan antara ilmu naqli atau *fardhu ain* dengan ilmu aqli atau *fardhu kifayah*. Dalam proses berkenaan, berlaku suatu bentuk penyaringan atau pemurnian ke atas ilmu aqli (ilmu sains moden yang bersifat eurosentrik) untuk mengembalikannya kepada kerangka pandangan sarwa Islam. Menurut Hassan Langgulung (1998) Islamisasi kurikulum pula bermaksud penerapan nilai Islam dalam kurikulum dengan cara meletakkan kurikulum (keempat-empat aspeknya yang terdiri daripada tujuan, pengetahuan, kaedah mengajar dan kaedah penilaian) dalam rangka konsepsi Islam. Secara lebih mudah, Islamisasi kurikulum adalah satu proses mengislah atau memurnikan kembali keseluruhan gagasan, struktur, matlamat dan rekabentuk kurikulum supaya kembali kepada ajaran tauhid. Rosnani Hashim (1998) telah mencadangkan beberapa langkah yang perlu dilakukan untuk melaksanakan proses Islamisasi kurikulum sebagaimana berikut:

- 1) Perumusan suatu falsafah pendidikan semestinya berdasarkan tasawwur Islam.
- 2) Memastikan semua sumber bagi memperolehi objektif pendidikan datangnya dari tasawwur Islam.
- 3) Kurikulum pendidikan Islam harus mempertahankan konsep hierarki ilmu dalam Islam khususnya ilmu *fardhu ain* dan ilmu *fardhu kifayah*.
- 4) Memperkenalkan sistem pendidikan bersepadu di mana kedua-dua sains naqliah dan aqliah diajar dan diberi peluang sama rata untuk membuat pengkhususan di antaranya berdasarkan kebolehan dan minat.
- 5) Menyepadukan kurikulum formal, tersirat dan nul dengan tasawwur Islam yang mendokong keesaan Allah.
- 6) Menyediakan pengalaman pembelajaran yang sesuai khususnya bagi perkembangan akhlak dan rohani dengan memberi perimbangan antara pendekatan pemusatan pelajar dan subjek.
- 7) Membentuk sistem penilaian yang bersesuaian dengan objektif pendidikan

Penulis berpandangan bahawa proses Islamisasi kurikulum perlu mengambilkira kepelbagaian pendekatan gagasan Islamisasi ilmu moden walaupun matlamatnya adalah sama. Setiap pendekatan itu akan memberikan impak yang berbeza kepada pembentukan kurikulum dan rekabentuk yang ingin dibangunkan. Sebagai contoh, pendekatan al-Attas berfokuskan kepada insan dan pendekatan al-Faruqi pula berfokuskan kepada ilmu.

Semua ini diperlukan dalam bidang pendidikan demi untuk melaksanakan satu proses pemurnian yang tidak kurang dahsyatnya sebagaimana yang telah berlaku pada zaman Imam al-Ghazali. Beliau telah mewakafkan dirinya untuk memahami semua aliran pemikiran dan kerohanian pada zamannya untuk mengetahui dan memisahkan antara kebenaran dan kebatilan yang tersembunyi secara halus dalam bidang falsafah. Dengan kekuatan intelektual dan kebersihan rohaninya, al-Ghazali berjaya melakukan proses pemurnian ilmu falsafah yang sangat mendominasi umat Islam pada ketika itu melaluinya kitabnya yang mashyur 'Tahafut al-Falasifah'. Perkara yang sama telah berlaku pada zaman sekarang. Para sarjana besar seperti al-Attas dengan berani menyatakan bahawa ilmu sains moden pada hari ini khususnya yang berkembang di Barat tidak neutral bahkan sarat nilai dengan faham-faham Barat yang tidak serasi dengan pandangan alam Islam. Untuk itu, proses pemurnian atau Islamisasi diperlukan sekali lagi khususnya dalam bidang kurikulum.

### **Institut Pendidikan Guru Dan Kurikulum**

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan nama baru bagi menggantikan maktab perguruan setelah institusi berkenaan dinaikkan taraf mulai 1 April 2006. Terdapat 27 buah IPG di seluruh negara. IPG menawarkan kursus-kursus perguruan di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Dengan lulusnya akta AUKU yang baru oleh Parlimen Malaysia, maka semua Institut Perguruan Guru telah dijadikan kampus cawangan kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang bertaraf universiti dan dipertanggungjawabkan untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah. Sejak itu, IPG mula menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Rendah) dengan kepujian (PISMP). Semua kurikulum yang ditawarkan di IPG adalah sama kerana ia telah diselaraskan format pembentukannya. Tuntutan perkembangan semasa menghendaki guru sekolah rendah bersifat generalistik dan menguasai pelbagai bidang disiplin ilmu. Matlamat program ini ialah untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan profesionalisme selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Justeru, pembentukan kurikulumnya telah dirangka sedemikian rupa untuk mencapai hasrat tersebut.

Kurikulum Pendidikan Guru adalah suatu pelan pengalaman pembelajaran untuk belajar dan pengalaman pembelajaran untuk mengajar bagi melahirkan insan guru yang profesional dan bersepadu. Kurikulum tersebut mengandungi beberapa ciri khas sebagai berikut :

1. Bersifat dinamik, relevan, futuristik, responsif, holistik dan bersepadu.
2. Konsep 'the personhood of teachers' dan menggunakan pendekatan humanistik.
3. Aplikasi teori.
4. Bersifat koheren antara pengajaran berkesan dan pengalaman klinikal.

5. Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, rekabentuk Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dibangunkan berdasarkan lima prinsip berikut :

1. Berasaskan hasil pembelajaran
2. Koheren
3. *Spiral dan developmental*
4. Holistik
5. Praktikal dan kontekstual

Bertitik tolak dari rekabentuk kurikulum di atas, pihak IPG telah membina struktur kurikulum PISMP iaitu kerangka yang merangkumi komponen-komponen penting beserta dengan wajaran, jumlah kredit dan kursus-kursus tertentu yang telah ditetapkan. Struktur tersebut adalah sebagaimana berikut :

Bil	Kursus	Kredit
1.	Kursus Wajib Kursus Wajib IPT Kursus Wajib IPG	23 (17%)
2.	Kursus Teras Pengajian Profesional (Asas pendidikan; aspek pengetahuan, nilai dan etika keguruan dan kemahiran profesional - 27 kredit) Major (Pengetahuan kandungan subjek dan kandungan pedagogi – 45 kredit) Amalan Profesional (PBS, Praktikum & Internship)	86 (65%)
3.	Kursus Elektif Paket Elektif 1 (Mata pelajaran lain – kandungan pedagogi dan pentaksiran – 12 kredit) Paket Elektif 2 (Mata pelajaran lain – kandungan pedagogi dan pentaksiran – 12 kredit)	24 (18%)
	JUMLAH	133 (100%)

### Analisis Perbincangan

Menyediakan guru atau tenaga pendidik yang berwibawa merupakan satu cabaran besar dalam proses pengislahan berterusan sistem pendidikan negara. Hanya guru yang berwibawa mampu melaksanakan kehendak dan hasrat sebenar sistem atau kurikulum pendidikan Islam. Antara ciri penting guru yang berwibawa ialah memiliki kebolehan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bersepadu dan berupaya memurnikan ilmu-ilmu moden. Untuk melahirkan guru yang berwibawa, calon guru seharusnya melalui suatu proses latihan perguruan yang bersesuaian dengan matlamat

tersebut. Bersama ini dinyatakan beberapa pandangan tokoh-tokoh pendidikan yang mendukung gagasan Islamisasi kurikulum pendidikan guru.

Hassan Langgung (1983 & 1988), seorang tokoh besar dalam pendidikan mencadangkan supaya Kurikulum Pendidikan Guru mengandungi 3 komponen berikut :

1. Pendidikan Umum (50% - 60%). Kandungan sub komponen terdiri daripada a) Peradaban Islam dalam maknanya yang luas, b) Sains dan matematik, c) Bahasa Arab, d) Pendidikan fizikal dan e) Pendidikan vokasional.
2. Pendidikan Profesional (25%). Kursus-kursus yang seharusnya ditawarkan ialah a) Kursus dalam pendidikan seperti falsafah pendidikan, sosiologi pendidikan, pembangunan kurikulum dan sejarah pendidikan. Kebanyakan kursus tersebut telah disekularisasikan. b) Kursus dalam psikologi seperti psikologi pendidikan, psikologi perkembangan dan kesihatan mental. Kesemunya perlu disorot mengikut perspektif Islam. c) Praktikum yang meliputi pengajaran mikro dan latihan mengajar.
3. Pendidikan Pengkhususan (fizik, geografi, ekonomi dan lain-lain).

Rosnani Hashim (1997) mencadangkan supaya struktur kurikulum perguruan seharusnya meliputi 3 komponen berikut :

- 1) Pendidikan Umum. Ia terdiri daripada a) Bahasa (Melayu, Inggeris, Arab), b) Ilmu Aqli. Ia terdiri dari ilmu-ilmu asas dalam disiplin ilmu sains kemanusiaan, ilmu sains sosial, ilmu sains tabii dan matematik, c) Ilmu Wahyu Teras. Kursus ini seharusnya membicarakan tentang konsep agama, tabii manusia, ilmu, hikmah, keadilan dan adab atau ringkasnya Tasawwur Islam yang tepat. Ia terdiri daripada kursus-kursus berikut : Ulum al-Quran, Ulum al-Hadith, Falsafah dan Pemikiran Islam, Akhlak dan Etika Islam, Fiqh, Dakwah, Aqidah, Sejarah Islam dan Perbandingan Agama.
- 2) Major dan minor. Ia meliputi ilmu samada dalam kategori naqli atau aqli. Dicadangkan supaya penyusunannya dalam bentuk samada major dalam kategori naqli dan minor dalam kategori aqli atau sebaliknya.
- 3) Pendidikan Profesional. Kandungannya meliputi a) asas pendidikan : asas falsafah dan sejarah, asas perkembangan (sosiologi, politik dan ekonomi) asas psikologi, b) pedagogi dan kaedah, c) pengayaan seperti Pendidikan Fizikal, Ko-kurikulum dan elektif-elektif lain dan d) komponen klinikal / praktikum. Beliau kemudiannya menegaskan bahawa kesemuanya perlu dilaksanakan menurut perspektif Islam

Manakala Chaudri dan Saqib (1992) pula mencadangkan kurikulum untuk program pendidikan atau latihan guru perlu mengandungi dua komponen berikut iaitu :

- 1) Agama dan Budaya Islam (ilmu wahyu). Ia terdiri daripada a) kepercayaan ; tauhid, kerasulan, al-Quran, akhlak dan metafizik, b) amalan ; solat, puasa, zakat, haji dan jihad dan c) Budaya Islam ; sejarah budaya Islam, sejarah pendidikan Islam, institusi Islam dan fungsinya, cabaran moden dan gerakan Islam dan Bahasa Arab.
- 2) Mata Pelajaran Pilihan (ilmu aqli). Ia terdiri daripada a) Sains fizikal, b) Sains sosial, c) Seni dan kerja tangan, d) Bahasa dan e) Kaedah Pengajaran dan teknologi pengajaran.

Berdasarkan perbincangan sebelumnya, pembinaan kurikulum PISMP di IPG sudah baik. Walau bagaimanapun, struktur kurikulum tersebut tidak mengambil kira konsep hierarki ilmu menurut pandangan sarjana Islam. Para pelajar tidak mengikuti satu komponen teras yang mewakili keperluan ilmu fardhu ain di peringkat tersebut. Komponen ini sangat penting kerana ia membekalkan pelajar kefahaman Islam yang menyeluruh untuk mendapatkan tasawwur Islam atau pandangan sarwa Islam yang jelas dan tepat. Berdasarkan kerangka yang telah dipaparkan, pelajar hanya melalui pengalaman pembelajaran kursus-kursus yang bersifat pragmatik menurut pertimbangan semasa sesebuah kerajaan atau negara. Tanpa bekalan yang cukup atau pandangan sarwa Islam yang mantap, pelajar tidak akan berupaya melihat secara jelas ketidakneutralan ilmu sains moden atau ketidakserasiannya dengan prinsip tauhid. Apatah lagi untuk melaksanakan proses pemurniaan ilmu yang kompleks walaupun di tahap yang paling minimum.

Demikian juga komponen Kursus Teras Pengajian Profesional perlu diteliti semula. Sebagai pihak luar, penulis tertanya-tanya adakah para pelajar muslim atau non-muslim (sebagai pandangan alternatif) diberi pengalaman pembelajaran mengenai konsep-konsep asas pendidikan menurut pandangan alam Islam khususnya mengenai manusia dan ilmu serta hubungan antara keduanya. Sebagai contoh, setakat manakah pelajar akan memahami falsafah pendidikan menurut al-Quran dan Sunnah melalui Kursus Falsafah dan Pendidikan di Malaysia. Demikian juga konsep pengajaran, pembelajaran dan berguru menurut perspektif Islam melalui Kursus Budaya dan Pembelajaran dan Kursus Murid dan Alam Belajar. Berdasarkan pengalaman penulis, kursus-kursus sebegini di IPT tempatan (fakulti pendidikan) diajar menurut perspektif Barat walaupun untuk pelajar yang mengkhusus dalam bidang Pendidikan Islam. Tanggapan ini diperkuatkan oleh penghuraian konsep holistik sebagai salah satu ciri dalam rekabentuk kurikulum PISMP. Kefahaman konsep holistik menurut kurikulum PISMP berkait dengan keseimbangan dan integrasi antara pengetahuan, kemahiran dan nilai di samping menggunakan kayu ukur perspektif global dan empat tunggak pendidikan menurut UNESCO serta aktiviti kokurikulum dan Bina Insan Guru. Di sana tiada pernyataan yang jelas bahawa holistik tersebut turut mengambil kira konsep kesepaduan penting yang dibincangkan oleh para sarjana pendidikan Islam iaitu integrasi di antara ilmu aqli dan naqli atau ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.


### **Cadangan Dan Rumusan**

Berdasarkan perbincangan sebelumnya, penulis ingin mencadangkan struktur baru yang dinamakan Kurikulum Pendidikan Perguruan Bersepadu (KPPB) yang berusaha untuk mematuhi konsep hierarki ilmu dan gagasan Islamisasi kurikulum sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 1. Berdasarkan struktur tersebut, penulis seterusnya mencadangkan model baru Kurikulum Pendidikan Perguruan Bersepadu (KPPB) sebagaimana yang digambarkan pada rajah 1.



Jadual 1 Cadangan Struktur Kurikulum KPPB

Komponen	Peratus
Teras	20 % – 30 %
a) Teras Ilmu Wahyu ( <i>Fardhu Ain</i> )	
b) Teras Umum	
i. Wajib Universiti	
ii Teras Ilmu Pemerolehan	
Asas	
c) Major	45 % – 60 %
i. Asas Bidang (Wajib Fakulti)	
ii Pengkhususan	
Profesional Pendidikan	20 % – 25 %
Pelengkap	
d) Minor / Elektif	15 % – 20 %



Rajah 1 Model Kurikulum Pendidikan Perguruan Bersepadu

### **a) Komponen Teras**

Komponen Teras ini dibahagikan kepada dua iaitu a) Teras Ilmu Wahyu atau Kurikulum Teras Fardhu Ain (KTFA) b) Teras Umum.

#### *i) Kurikulum Teras Ilmu Wahyu (KTFA)*

Kurikulum Teras Fardhu Ain (KTFA) berbeza dengan struktur atau komponen teras yang lain walaupun kesemuanya diwajibkan kepada pelajar. Perbezaan tersebut adalah dari sudut kekuatan tuntutan yang berhubungan terus dengan kewajiban agama bagi menyempurnakan misi asas kewujudannya. Terminologi '*fardhu ain*' mempunyai implikasi yang sangat kuat di mana tuntutan yang wajib disempurnakan oleh setiap individu muslim yang *mukallaf*. Ini bermakna ia berada di dalam kategorinya yang tersendiri; bukannya sebagai komponen wajib universiti / kolej, atau minor atau elektif. Pembentukan KTFA di IPT mendokong konsep pendemokrasian pendidikan dan pendidikan sepanjang hayat. Falsafah yang tersirat dalam KTFA ialah tidak ada seorang pelajar pun yang seharusnya dibiarkan gagal. Justeru, KTFA seharusnya dilihat dari perspektif untuk membantu pelajar memahami perkara-perkara asas yang membentuk jati dirinya sebagai seorang muslim dan bukannya sebagai penghalang bagi seseorang untuk melanjutkan pengajian atau membuat pengkhususan. Setiap pelajar akan diberi peluang sewajarnya untuk belajar dan menguasai perkara-perkara asas dalam Islam. Dengan lain perkataan, KTFA memerlukan inovasi pembelajaran penguasaan dan penghayatan. Proses tersebut pula tidak berhenti statik pada tahap tertentu bahkan terus berlangsung sepanjang hayat. Matlamat KTFA ialah memberi suatu gambaran kepada para pelajar tentang tasawwur Islam yang tepat, menyeluruh dan bersesuaian dengan tahap pelajar pada peringkat berkenaan. Berdasarkan kepada peratusan komponen TERAS yang dicadangkan sebelumnya, dikemukakan contoh cadangan bagi tema kandungan atau 6 kursus KTFA sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 1.

#### *ii) Kurikulum Teras Umum*

Komponen Teras Umum mewakili ilmu aqli yang diwajibkan kepada semua pelajar sebagai persediaan penting sebelum memilih untuk mendalami sesuatu bidang pengkhususan. Ia dibahagikan kepada dua kategori iaitu a) Wajib Universiti dan b) Teras Ilmu Pemerolehan.

Kategori Wajib Universiti adalah suatu bahagian dalam komponen Teras yang terdiri daripada sekelompok kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar tanpa sebarang pengecualian. Hampir keseluruhan IPT di Malaysia memilih kursus-kursus dalam kategori Wajib Universiti berdasarkan pertimbangan pragmatik untuk memenuhi aspirasi negara. Antara kursus-kursus yang sering ditawarkan ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Tamadun Islam, Hubungan Etnik, Kenegaraan Malaysia, Kemahiran Berfikir, Asas Keusahawan, Ko-Kurikulum dan lain-lain. Kategori Teras Ilmu Pemerolehan pula ialah suatu pendekatan yang cuba diketengahkan penulis dengan menawarkan sejumlah kursus berdasarkan pertimbangan tradisi keilmuan. Dalam bahagian ini, semua pelajar diwajibkan untuk mengambil sejumlah kursus asas mewakili pelbagai disiplin ilmu yang besar dan penting seperti asas Sains Sosial dan Kemanusiaan, asas Sains dan Matematik, asas Sastera dan Seni dan asas Falsafah / Falsafah Sains. Komponen ini sangat penting untuk memberi suatu gambaran yang menyeluruh tentang korpus ilmu dan prinsip

kesatuan ilmu. Melaluinya, pelajar akan dilatih untuk melihat perkaitan antara setiap bidang ilmu yang semuanya menuju ke arah pengabdian kepada Tuhan.

Dalam kedua-dua Komponen Teras inilah (KTFA dan Kurikulum Teras Umum), pelajar akan diberi pendedahan secara sistematik tentang ketidakneutralan ilmu sains moden khususnya ilmu sains sosial dan kemanusiaan dan keperluan untuk memurnikannya (proses Islamisasi ilmu moden) supaya kembali berada di bawah kerangka pandangan alam Islam. Untuk mengelakkan kebingungan, pelajar perlu didedahkan dengan contoh-contoh pengislaman ilmu yang berjaya dalam tradisi sejarah Islam dan juga usaha pemurniaan secara dangkal dan menyeleweng untuk dijadikan sempadan. Pada masa yang sama, pihak IPT turut disarankan untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah tentang hubungan pendidikan bersepadu dengan gagasan Islamisasi ilmu moden, kepelbagaian pandangan terhadap gagasan tersebut dan kepelbagaian pendapat mengenai metodologi pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, pihak IPT akhirnya disarankan supaya memilih satu pendekatan yang difikirkan paling sesuai bagi membentuk perancangan dan halatuju yang jelas serta menyelaras sebarang agenda bertindak.

#### **b) Komponen Asas**

Komponen Asas adalah komponen yang menawarkan bidang ilmu pengkhususan kepada para pelajar. Secara umumnya, pelajar terlebih dahulu akan diperkenalkan dengan ilmu-ilmu asas dalam bidang berkenaan sebagai pendahuluan sebelum dibenarkan untuk mendalaminya. Ilmu-ilmu asas tersebut biasanya dikategorikan sebagai asas bidang atau kursus wajib fakulti. Setelah selesai semua atau sebahagian besar kursus-kursus dalam bahagian tersebut, pelajar kemudiannya akan dibenarkan untuk mengambil kursus-kursus lain yang merupakan pengkhususan dalam bidang tersebut. Komponen ini adalah komponen yang terbesar dan mengambil masa yang paling lama berbanding dengan komponen-komponen yang lain.

#### **c) Komponen Pelengkap**

Komponen pelengkap adalah komponen yang akan melengkapkan atau mengukuhkan lagi penguasaan pelajar dalam bidang pengkhususan yang dipilih. Komponen ini boleh berdiri sama ada sebagai minor atau elektif bergantung kepada jumlah jam kredit yang ditawarkan. Komponen ini penting kerana ia memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk memilih kursus-kursus yang diminati sesuai dengan minat, kebolehan dan kemampuan serta berkait dengan bidang pengkhususannya.

#### **d) Komponen Profesional Pendidikan**

Berdasarkan kepada rujukan penulis terhadap kandungan komponen Asas Pendidikan atau Profesional Pendidikan dari beberapa IPT tempatan, dicadangkan bahawa tema kandungan utama yang seharusnya dimasukkan dalam komponen tersebut adalah a) Falsafah Pendidikan dan Kurikulum, b) Guru dan Pendidikan, c) Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar, d) Pentaksiran Pendidikan, e) Asas Pedagogi dan Pengalaman, f) Pengajaran dan Teknologi, dan g) Praktikum. Walau bagaimanapun, setiap IPT mempunyai pertimbangan tersendiri berdasarkan keperluan masing-masing, latar belakang setempat dan pendekatan yang dipilih. Apa yang penting ialah kesemua kandungan tersebut seharusnya disorot menurut perspektif Islam.

Dalam konteks KPPB, komponen Asas dan Pelengkap sangat penting dalam proses kesepaduan ilmu naqli dan aqli serta proses pemurnian atau Islamisasi ilmu moden. Model KPPB mengambil pendekatan bahawa proses kesepaduan tersebut seharusnya berlaku di antara komponen KTFA dan komponen-komponen lain (Teras Umum, Asas dan Pelengkap). Proses tersebut seharusnya bermula dengan kesepaduan intra (kesepaduan kefahaman, amalan dan penghayatan dalam KTFA dalam membentuk tasawwur Islam) dan menuju ke arah kesepaduan inter (keupayaan untuk membebaskan unsur-unsur asing dan meletakkan semua maklumat yang diperolehi dan ilmu yang dipelajari dalam kerangka epistemologi ilmu yang berpaksikan prinsip tauhid).

Untuk memantapkan proses kesepaduan intra dan inter, setiap tema atau kursus yang dibina dalam KTFA boleh dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut tabiat kandungannya iaitu kefahaman konsep asas, penguasaan kemahiran asas dan pemupukan nilai asas. Kesemua konsep, kemahiran dan nilai asas tersebut saling berkait antara satu sama lain secara bermakna dan merentas keseluruhan struktur kurikulum. Sebagai contoh konsep-konsep asas seperti *tauhid*, wahyu, akhlak dan lain-lain perlu dikuasai dan dijadikan 'pengelola idea' untuk memahami, menangani dan menikmati pelbagai jenis ilmu dan fenomena kehidupan. Penuntut muslim IPT seharusnya dapat memahami konsep tersebut pada tahapnya yang tersendiri bagi membolehkannya dirinya berinteraksi dengan jelas di antara konsep-konsep tersebut dengan disiplin ilmu pengkhususan yang dipilihnya.

Untuk melaksanakan konsep pengajaran dan pembelajaran yang bersepadu secara intra dan inter, setiap pensyarah perlu mengemaskinikan penguasaan ilmu masing-masing khususnya dalam kedua-dua bidang iaitu ilmu naqli dan aqli. Dengan lain perkataan, pensyarah komponen KTFA perlu mempelajari ilmu-ilmu asas dari pelbagai bidang dan disiplin ilmu di samping mendalami bidang pengkhususan masing-masing. Manakala pada masa yang sama, pensyarah dalam komponen yang lain khususnya pengkhususan dalam pelbagai seperti sains tabii, sains terapan, sains sosial dan sains kemanusiaan dapat mendalami bidang agama khususnya yang berkait secara langsung dengan bidang kepakaran masing-masing. Dengan wujudnya budaya ini, proses Islamisasi ilmu moden akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan lancar.

## **Penutup**

Pendidikan adalah satu sektor yang penting dalam usaha untuk mengisi misi kebangkitan umat Islam melalui proses mempersiapkan modal insan yang bertaqwa dan berkualiti tinggi. Proses tersebut sangat memerlukan guru yang berwibawa sebagai agen terpenting untuk membina generasi baru yang bebas dari cengkaman pengaruh faham sekularisme dan dualisme kehidupan. Misi pemberdayaan ummah ini sangat berhajatkan kepada konsep Pendidikan Bersepadu dan gagasan Islamisasi ilmu moden supaya kesilapan yang sama umat terdahulu tidak akan berulang lagi. Untuk itu, sistem latihan perguruan yang sedia ada wajar disemak semula supaya pelaksanaan kurikulum latihannya bertepatan dengan konsep klasifikasi dan hierarki ilmu yang bersumberkan pedoman wahyu. Kebangkitan Islam boleh berulang jika umat Islam sanggup mengharungi semula sunnah-sunnah perubahan tersebut. Semoga kita terpilih untuk meneruskan perjuangan yang

panjang itu dan termasuk di kalangan mereka yang diredhai Tuhan. Semoga kebaikan akan melimpah dengan rahmat dan belas dari Tuhan Semesta Alam.

### Rujukan

- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and secularism*. Kuala Lumpur : Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Chaudri, Abdul Ghafur & Saqib, Ghulam Nabi. 1992. Pembinaan semula kurikulum untuk guru Islam. Dlm. Afendi, M.H & Baloch, N.A. (pnyt.). 1992. *Kurikulum dan pendidikan guru*. Terj. Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin & Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulung. 1983. Teacher's role and some aspects of teaching methodology : Islamic approach. *Muslim Education Quarterly* 1(1): 21-32.
- Hassan Langgulung. 1988. Teacher education : the Islamic perspectives. *Muslim Education Quarterly* 5(2): 89-99.
- Hassan Langgulung. 1998. Islamisasi pendidikan dari perspektif metodologi. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Islamisasi Pendidikan: Menangani Cabaran. Anjuran Jabatan Pendidikan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 14-16 Julai.
- Hassan Langgulung. 2002. *A psycho-pedagogical approach of Islamization of knowledge*. Kuala Lumpur: IIUM.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. *Konsepsualisasi semula kurikulum pendidikan Islam*. Tanjong Malim. UPSI.
- Rosnani Hashim. 1997. The construction of an Islamic-based teacher education programme. *Muslim Education Quarterly* 14(2): 57-67.
- Rosnani Hashim. 1998. Islamization of curriculum as an effort to meet the educational challenges. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Islamisasi Pendidikan: Menangani Cabaran. Anjuran Jabatan Pendidikan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 14-16 Julai.
- Rosnani Hashim. 1999. *Islamization of the curriculum*. American Journal of Islamic Social Sciences. 16(2): 28-43.
- Syed Ali Ashraf . 1991. Integration, planning and implementation principles, policies and strategies. Dlm: Ghazali Basri. (pnyt.).1991. *An integrated education system in a multi-faith and multi-cultural country*, hlm. 11-29. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib Al-Atass; an exposition of the original concept of islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.